

Tetapkan KPI CEO bukan bumiputera

SHAH ALAM - Pengambilan pekerja atau ketua pegawai eksekutif (CEO) bukan bumiputera ke syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dengan tawaran gaji lebih tinggi perlu dilihat dalam konteks yang lebih luas.

Penganalisis ekonomi dari pada Putra Business School Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, sudah

tentu mereka yang dilantik atau diambil bekerja itu telah ditetapkan petunjuk prestasi utama (KPI).

Beliau berkata, walaupun dibayar gaji mahal, jika KPI yang ditetapkan itu membolehkan GLC dan GLIC tersebut memperoleh keuntungan 100 kali ganda daripada jumlah gaji tahunan mereka, pelantikan mereka itu sudah dianggap berbaloi.



AHMED RAZMAN

“Berbanding dengan membayar gaji yang rendah kepada pekerja bumiputera tetapi KPI diminta rendah sahaja.

“Jika ada pekerja bumiputera yang sanggup mencapai KPI yang tinggi dan

dibayar gaji yang tinggi, mereka juga harus diberi peluang,” katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* semalam.